

Benci ahli politik tabur janji

Soalan:

PILIHAN raya umum makin hampir. Saya sering mengikuti perkembangan politik negara. Isu fitnah politik memang bertebaran.

Saya melihat perkembangan ini sebagai satu perkara yang tidak sihat. Saya inginkan pemimpin yang ikhlas dan benar-benar menjadi ahli politik demi rakyat.

Saya benci ahli politik yang manis di bibir saja. Pandai berjanji tapi mengecewakan rakyat.

Matang politik,
SABAH



Jawapan:

BENCANA alam Sandy yang melanda Amerika Syarikat banyak memusnahkan harta benda malah ramai yang terkorban.

Natijahnya, rakyat Malaysia perlu mensyukuri nikmat hidup kerana tiada bencana alam yang besar. Bagaimana pun, bunga-bunga yang menjurus kepada perpecahan rakyat semakin berleluasa.

Seperti yang adik risaukan, fitnah politik seolah-olah menjadi satu budaya.

Negara mempunyai ra-

mai ahli politik yang baik. Sebaliknya, tidak kurang juga yang memasuki arena politik atas agenda kepentingan diri.

Pemimpin dalam kategori ini ialah pemimpin yang hanya bijak memanipulasi dan mengeksploitasi rakyat.

Rakyat boleh membuat keputusan untuk tidak mengundi ahli politik yang hanya 'manis di bibir saja' pada hari mengundi.

Pilihan adalah di tangan rakyat. Dengan kuasa yang ada pada rakyat, sama-sama kita memilih pemimpin berjiwa rakyat.

Kekasihku suami orang

Soalan:

SAYA buntu berdepan masalah menyintai kekasih yang juga suami orang. Kami bertemu di alam maya secara tidak sengaja. Pada mulanya, kami hanya menjalin hubungan sebagai rakan, lama kelamaan ia berubah kerana saya tertarik dengan sikapnya yang sangat mengambil berat.

Saya boleh dikatakan gadis cantik dan menarik, justeru tidak hairan dia mahu menjadikan saya kekasih. Hati saya sudah terpacu pada teman lelaki biarpun menyedari banyak risiko bakal dihadapi.

Kekasih tua enam tahun daripada saya tetapi dia masih nampak segar.

Pada awal pengakuannya, saya sangat sedih namun sukar melupakannya. Malah kekasih saya itu menyatakan keinginannya memperisterikan saya asalkan setuju.

Saya tidak mahu mengganggu kebahagiaan wanita lain kerana bapa juga pernah melakukan perkara sama pada ibu. Saya rasakan itu tidak adil meskipun ibu bersikap biasa. Saya tahu peritnya hati ibu kerana sering melihat dia menangis.

Pengalaman ibu menyebabkan saya tidak mahu berkawan dengan lelaki berstatus suami.

Malangnya, ini takdir saya. Bantu saya Dr.

Serba salah,
KELANTAN

Jawapan:

FITRAH manusia saling menyintai dan jatuh cinta selain hidup berpasangan. Lebih membahagiakan lagi apabila menemui insan yang dirasakan dapat membahagiakan diri kita.

Cinta yang berputik di alam maya bukan perkara luar biasa pada masa kini malah cukup mudah mengenali insan lain melalui Internet atau blog.

Cinta adik terus bermacam-macam, mulanya sebagai rakan biasa namun sudah bertukar menjadi kekasih. Pada situasi biasa ia tidak menimbulkan konflik jika berstatus bujang, malangnya dia suami orang.

Dr faham konflik adik tapi kata orang, 'berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'. Adik sayang padanya namun tidak mahu mengganggu kebahagiaan wanita lain.

Apatah lagi ibu hidup bersedu menyebabkan lebih tertekan menghadapi konflik ini sementara kekasih sudah memperlihatkan niatnya yang ikhlas ingin memperisterikan adik. Jelas dia serius dan tidak main-main.

Islam adalah agama fitrah yang mengiktiraf kepelbagaian keperluan dan kehendak manusia dalam kehidupan berpasangan, kerana itulah membenarkan poligami.

Bagaimanapun ia diharuskan untuk dinikmati dan

digunakan dengan penuh tanggungjawab melalui amalan keadilan termasuk giliran dan nafkah.

Hanya adik boleh membuat keputusan dan ikhlas mendengar suara hati serta kemampuan diri sendiri.

Tanyakan, adakah adik sudah benar-benar bersedia untuk bersedu serta berkongsi suami dengan orang lain?

Bersediakah adik melalui ini? Fikirkan kerana semuanya terletak di tangan sendiri.

Poligami sangat sensitif kepada golongan wanita terutama isteri pertama yang merasakan suami adalah hak mutlak mereka.

Ditakdirkan adik berkahwin, adakah kekasih sudah sedia memainkan peranan dalam menentukan kebahagiaan perkahwinan.

Keputusan terletak di tangan adik. Kalau menerimanya risikonya tetap ada, begitu juga sebaliknya.

Bagaimanapun, jika adik ambil keputusan tidak menerima lamaran itu, belajarlah perlahan-lahan untuk melupakannya meskipun sukar.

Tapi percayalah, masa akan membantu adik melupakannya.

Jangan biarkan diri hanyut dengan persoalan dan emosi, lakukan aktiviti yang membolehkan adik belajar melupakan kekasih serta berdoa akan menemui kebahagiaan hidup.

Dr doakan kebahagiaan adik.

Korban cinta ibarat sampah

Soalan:

Saya seorang jejaka yang kini sedang menghadapi masalah emosi. Saya sebenarnya kecewa dengan sikap teman wanita yang mempersendakan perhubungan, kesetiaan dan pengorbanan saya.

Hubungan kami mencecah hampir 10 tahun, saya sayangkan teman wanita dan kami berkawan hinggalah masing-masing berjaya menamatkan pengajian di peringkat tinggi.

Saya banyak berkorban kerananya termasuk menyediakan apa saja keperluan diingini seperti wang ringgit.

Bagaimanapun, sejak tahun akhir, (kira-kira enam bulan lalu) teman wanita nampak berubah. Dia mula menyepikan diri dan berahsia hingga kami tamat pengajian namun masih meminta wang dari saya.

Saya ingin melamarnya menjadi isteri namun dia melayan saya ibarat sampah. Saya anggap dia sebagai cinta sejati kerana banyak memberi perangsang dan harapan.

Saya benar-benar kecewa. Apa yang perlu saya lakukan?

Jejaka kecewa,
KUALA LUMPUR

Jawapan:

CINTA saudara ibarat air sungai menuju laut melewati jalan berliku dan penuh onak serta duri. Tapi cinta juga ibarat kehidupan. Tiada kehidupan tanpa kegagalan, kekalahan dan kejatuhan. Namun yang lebih penting

ialah berdirilah dengan tegak kembali dan jangan memandang ke belakang,

Ini kerana masa lalu sudah berlalu dan hidup terus beredar. Booker T Washington menjelaskan kejayaan tidak diukur dari posisi yang dicapai seseorang dalam hidup, tapi dari kesulitan yang berhasil diatasi ketika berusaha meraih kejayaan.

Sebagai manusia, memang fitrah untuk bercinta dan merasa dicintai. Manusia juga ada naluri untuk merasa dihargai atas sesuatu yang dilakukan. Apabila manusia tidak memperoleh penghargaan ini, konflik emosi akan berlaku.

Justeru, Dr faham akan kehampaan dan perasaan terkilan saudara sebab sanggup berkorban semata-mata untuk bekas kekasih dan ingin menyuntingnya. Memang sukar melupakan apa yang berlaku kerana ia sebahagian hidup. Melupakan teman wanita seolah-olah cuba melupakan sebahagian dari diri adik sendiri. Tentunya pahit dan penuh kelukaan. Apatah lagi seolah-olah diri merasa seperti tidak berharga. Dibuang apabila tidak diperlukan.

Dalam konteks ini, masa memainkan peranan dalam proses sembuh dari kepahitan dan kelukaan bercinta. Cinta adalah ibarat hujan. Betapa lebat pun ia turun, akan berhenti juga. Datang hujan lagi, ia akan berhenti lagi.

Begitu juga cinta dan memori adik terhadap teman wanita. Cinta itu datang dan pergi. Lama kelamaan cinta itu akan sedikit demi sedikit hilang demi waktu.

Pengorbanan wang adalah bukti betapa seriusnya saudara untuk memperisterikannya. Ternyata saudara lelaki yang setia pada cinta. Ciri kesetiaan dan sanggup berkorban ini adalah sesuatu yang baik dalam konteks percintaan. Bertuallah siapa yang dapat memiliki cinta saudara.

Ini juga tidak bermakna apabila saudara gagal bercinta banyak kali, saudara seorang lelaki yang tidak baik. Soal cinta adalah soal hati. Soal jodoh pula soal takdir. Berpegang kepada kedua-dua premis ini, apabila jodoh tiada, berapa lama pun bercinta, jodoh tetap tidak akan datang.

Dalam Islam, kita diminta untuk berdoa di samping berusaha untuk mendapatkan pasangan yang baik. Abadikan doa ajaran Rasulullah ini dalam sujud: "Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami pasangan kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami pemimpin orang-orang bertakwa" (Al-Furqan 25:74?).

Manakala firman Allah di dalam Surah An-Nur: "Dan wanita-wanita yang baik adalah untuk laki-laki yang baik dan laki-laki yang baik adalah untuk wanita-wanita yang baik (pula)." (Al-Nur 24: 26)